

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6917**

**SOALAN :**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah serta pelan tindakan Kerajaan bagi mengekang atau menghapuskan gejala-gejala kumpulan ekstremis/fanatik agama dan kaum yang menimbulkan isu-isu sensitif yang berhubung kait dengan agama dan kaum yang boleh mengganggu-gugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kerajaan memandang serius berhubung isu-isu sensitif dan gejala-gejala kumpulan ekstremis/ fanatik agama dan kaum yang sengaja dibawa oleh pihak-pihak tertentu. Tujuan utama mereka adalah untuk mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan terhadap beberapa individu dan kumpulan yang cuba mencetuskan suasana tegang di antara kaum dan agama di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan.**

**Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang berkaitan, setiap siasatan polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang sedia ada. Semua laporan Polis yang dibuat akan disiasat dengan teliti sebelum sebarang tindakan perundangan diambil. Pada masa yang sama Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan yang telah dikecapi oleh negara kita sejak sekian lama.**